



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	24/4/2014

PM mahu lebih banyak negeri sertai program ETA

BH-24/4/2014

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mahu lebih banyak negeri menyertai Program Fulbright Pembantu Pengajar Bahasa Inggeris (ETA) bagi membantu pelajar, khususnya di luar bandar meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris.

Perdana Menteri berkata, program anjuran Kementerian

Pendidikan dengan kerjasama Suruhanjaya Malaysia-Amerika Syarikat bagi Pertukaran Pendidikan (MACEE) berjaya meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris bertulis dan lisan bagi pelajar di Pahang.

“Program ETA ternyata membantu meningkat penguasaan bahasa Inggeris pelajar di Pa-

hang terutama dari sekolah luar bandar. Saya berharap negeri lain dapat menyertai program ini,” katanya dalam laman Facebook beliau, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian merujuk kepada laporan peningkatan kadar lulus subjek bahasa Inggeris di Pahang, termasuk di kawasan pe-

dalaman Orang Asli hasil bimbingan guru bahasa Inggeris dari Amerika Syarikat.

ETA adalah perkongsian komitmen antara Najib dan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dalam usaha memperluaskan program pertukaran dua hala rakyat antara kedua-dua negara.

1 BAHASA 1 BANGSA 1 NEGARA

www.dbp.gov.my